



MAJLIS PERBANDARAN KOTA SAMARAHAN
KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kalangan kontraktor-kontraktor yang telah berdaftar dengan Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (**UPKJ**) yang masih sah dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (**CIDB**) dalam kelas dan kepala / subkepala yang berkaitan yang masih sah dan telah berdaftar dengan Majlis Perbandaran Kota Samarahan (**MPKS**) (sertakan surat pendaftaran yang telah didaftar dengan MPKS sekiranya ada) yang dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja dibawah:-

BIL.	NO. SEBUTHARGA	TAJUK SEBUTHARGA	BUTIR – BUTIR KELAYAKAN	HARGA DOKUMEN #TIDAK DIKEMBALIKAN#
1.	MPKS/ENG/Q/01/2023	PROJEK MEMBAIKPULIH BOX CULVERT DI I-MAS VILLAGE.	UPKJ Kelas F (Kerja); dan berdaftar dengan CIDB	RM 50.00 / SET

2. Dokumen Sebutharga boleh diperolehi di **Tingkat Bawah, Bahagian Perbendaharaan**, Majlis Perbandaran Kota Samarahan pada waktu pejabat mulai **17hb March 2023 (JUMAAT)** setelah pembayaran dilakukan di Kaunter Pembayaran MPKS untuk **Yuran Dokumen** (tidak dikembalikan) dalam bentuk Wang Tunai atau Cek (cek atas nama **Majlis Perbandaran Kota Samarahan**) sahaja;

WAKTU PEMBELIAN DOKUMEN SEBUTHARGA:-

HARI	MASA
ISNIN sehingga KHAMIS	08.00 pagi – 12.30 tengah hari & 2.00 petang - 3.00 petang
JUMAAT	08.00 pagi – 11.30 pagi & 02.15 petang – 03.00 petang

3. Kontraktor (Pemegang Lesen) atau Wakil Kontraktor dikehendaki membawa **SESALINAN SIJIL ASAL** seperti dibawah untuk tujuan pengesahan sebelum dokumen sebutharga boleh dikeluarkan kepada penender yang layak:-

- Sijil Pendaftaran Perniagaan, Sijil Pendaftaran Kontraktor** dengan **UPKJ** atau **Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB**;
- Kad Pengenalan Pemegang Lesen** atau **Kad Pengenalan Wakil Syarikat**;
(*wakil dikehendaki membawa surat pengakuan daripada syarikat untuk tujuan pengesahan mengambil dokumen sebutharga bagi pihak syarikat dan sesalanan kad pengenalan yang telah disahkan*);
- Profil Syarikat** termasuk maklumat **Plant** dan **Equipment** serta **Pengalaman Kontraktor** (dilampirkan sekali semasa menghantar dokumen sebutharga);
- Penyata kewangan 3 bulan terkini syarikat** (dilampirkan sekali semasa menghantar dokumen sebutharga).
*Salinan dokumen-dokumen diatas (**telah disahkan**) juga perlu dimasukkan sekali bersama dokumen sebutharga semasa menghantar dokumen sebutharga. Semua dokumen hendaklah diisi dan dilengkapkan, kegagalan berbuat demikian, Jawatankuasa Lembaga SEBUTHARGA boleh **MENOLAK** tawaran Sebutharga.

4. Dokumen Sebutharga yang **SEMPURNA** diisi hendaklah dimeteraikan dengan menggunakan sampul surat yang di atasnya bertanda **SULIT** dan ditulis dengan jelas **TARIKH TUTUP SEBUTHARGA, NOMBOR SEBUTHARGA** dan **TAJUK SEBUTHARGA** serta perlu dimasukkan ke dalam kotak peti sebutharga yang disediakan di dalam bilik pejabat Setiausaha Perbandaran di Tingkat 1, Pejabat Majlis Perbandaran Kota Samarahan dan dokumen sebutharga hendaklah dialamatkan seperti berikut:-

Kepada:
Pem. Setiausaha Perbandaran,
Majlis Perbandaran Kota Samarahan
94300 Kota Samarahan

- Tarikh akhir **MENGHANTAR/TUTUP** bagi dokumen Sebutharga di atas adalah pada **23 MARCH 2023 (KHAMIS)** sebelum jam **12.00 TENGAH HARI** dan sebarang dokumen Sebutharga yang **diterima selepas masa yang ditetapkan akan ditolak**.
- Maksimum ketebalan bagi dokumen sebutharga yang dihantar hendaklah tidak melebihi (<7cm) tebal.
- Tempoh sah laku **Sebutharga** hendaklah **60 hari** dari selepas tarikh tutup.
- Majlis Perbandaran Kota Samarahan (MPKS) tidak terikat untuk menerima tawaran **sebutharga terendah** atau **mana-mana tawaran sebutharga**.
- Notis sebutharga ini juga boleh dilayari di laman web <http://www.mpbs.sarawak.gov.my>.

“BERSATU BERUSAHA BERBAKTI”
“AN HONOUR TO SERVE”


(HISSYAM BIN HAZMI)

b.p Pem. Setiausaha Perbandaran
Majlis Perbandaran Kota Samarahan

- s.k.:
- Residen Bahagian Samarahan
 - Pegawai Daerah Bahagian Samarahan
 - Jurutera Bahagian, JKR Samarahan
 - Jurutera Bahagian, DID Samarahan